

**TEKS UCAPAN**

**PROFESOR Ts. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN**

---

**MESYUARAT AGUNG DWI-TAHUNAN UTeM ASA**



**1 Jun 2022 (Rabu)**

**Hotel MITC Ayer Keroh**  
**اوینیفرسیتی میکنیکل ملیسیا ملاکو**

---

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Bismillah hirrahman nirrahim

Terima kasih Pengacara Majlis,

**Yang Berbahagia Profesor Ir. Dr. Badrul Hisham bin Ahmad**  
Presiden UTeMASA

**Yang Berusaha Profesor Madya Mohd Ariff bin Mat Hanafiah**  
Timbalan Presiden UTeMASA

Barisan Majlis Eksekutif UTeMASA sesi 2010-2022

Serta barisan pensyarah yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera

- 
1. Bersyukur kita kehadrat Allah S.W.T., kerana dengan izinNya dapat kita berkumpul di dewan MITC ini. Saya ingin mengucapkan Tahniah dan Terima Kasih kepada UTeMASA kerana menjemput dan memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan UTeMASA Bil. 8/2022. Sekalung Tahniah dan Terima Kasih

juga diberikan kepada barisan exco UTeMASA 2019 – 2022 yang diketuai oleh Presidennya Profesor Ir. Dr. Badrul Hisham Ahmad yang telah berjaya menjalankan aktiviti tanpa mengenal penat lelah, walaupun ketika negara dilanda Pandemik COVID-19.

Tuan dan Puan yang saya hormati sekalian,

2. UTeMASA telah melalui banyak kisah silam di zaman beberapa Naib Canselor yang lalu. UTeMASA telah menjadi suara staf akademik di UTeM. Banyak usul-usul yang dibawa oleh UTeMASA telah dibentangkan melalui platform Majlis

Bersama Jabatan (MBJ). Tidak kira sama ada usul-usul yang dibawa itu diterima, ditangguh atau ditolak, yang penting soal kebijakan golongan staf akademik telah dibawa oleh UTeMASA. Tahniah UTeMASA. Tuan dan Puan yang saya hormati sekalian..

3. Dalam sesebuah organisasi yang besar seperti UTeM, hubungan antara majikan atau Pentadbir Tertinggi dengan golongan pekerja yang diwakili staf akademik tidak boleh dipisahkan. Tambahan pula, golongan pekerja iaitu staf akademik adalah aset yang terpenting sekali dalam

menentukan jatuh bangunnya sesebuah universiti. Dalam konteks ini, UTeMASA dianggap sebagai jambatan penghubung di antara Pentadbir Tertinggi universiti dan staf akademik supaya hasrat universiti dan kebajikan staf akademik dapat difahami bersama-sama dan seterusnya segala cabaran semasa dan mendatang dapat ditangani.

4. Harapan saya agar UTeMASA tingkatkan semangat, naikkan iltizam, mengorak langkah menuju ke fasa baru dalam membantu UTeM mencapai misi dan visinya. Inilah masanya UTeMASA menjadi rakan strategik UTeM, dalam

menjadi mata dan telinga untuk staf akademik. Pihak pengurusan kanan Universiti tidak mungkin dapat melihat setiap aspek pengurusan akademik dan isu yang dihadapi. Dan saya berharap UTeMASA dapat penuhi ruang atau ‘gap’ yang kosong ini untuk diisi. Itulah pentingnya semua staf akademik dapat turut serta menjadi ahli UTeMASA.

5. Di samping itu, penyertaan semua staf akademik merupakan satu langkah yang amat penting bagi menjamin kesinambungan aktiviti yang dirancang oleh pihak UTeMASA. Ini juga sebenarnya memberi kelebihan untuk kita

menjaga kebajikan sesama kita dan mengenali sesama rakan di tempat kerja. Selain dapat berkenalan, dapatlah juga bertukar pengalaman dan kepakaran masing-masing.

Tuan dan Puan yang saya hormati sekalian.

6. Selepas ini sekiranya ada sebarang perubahan hala tuju di peringkat Universiti, maka sudah semestinya akan melibatkan wakil UTeMASA. Untuk mendapatkan input dan maklumbalas dan semestinya input dan maklumbalas ini adalah daripada akar umbi staf akademik Universiti sendiri. Dan hasilnya staf akademik akan merasa pelan strategik ini

adalah sumbangan daripada mereka juga dan mereka jugalah yang akan menjayakan pelan strategik ini.

7. Di sini juga saya ingin mewar-warkan kepada semua berkenaan dengan Kesidang Mas. Pada 25 Mei yang lepas telah berlangsung Kesidang Mas Sesi 1 – bersama Pensyarah Gred45, Guru Bahasa dan Jurutera Pengajar. Banyak input yang telah saya perolehi dan memerlukan UTeMASA sebagai medium suara di dalam MBJ. Di sini kita dapat lihat akan kepentingan UTeMASA dan saya seru kepada semua untuk mendaftar sebagai ahli UTeMASA.


8. Insyaallah pada 10 Jun akan berlangsung Kesidang Mas Sesi 4 – bersama Profesor Madya dan Pensyarah Kanan. Sesi ini merupakan sesi kedua terbesar melibatkan lebih kurang 550 orang pensyarah. Saya mengharapkan penyertaan anda semua bagi sesi tersebut untuk mendapatkan lebih banyak input berkenaan dengan permasalahan yang dihadapi.

9. Saya juga akan pastikan usul-usul yang tertangguh, akan diselesaikan dengan segera dan akan mengambil kira

semua faktor agar tiada pihak yang akan merasa diri mereka dianiaya.

10. Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat bermesyuarat kepada semua ahli UTeMASA yang hadir. Saya berharap semoga Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan UTeMASA Bil. 8/2022 ini, berjalan dengan lancar dan penuh disiplin. Sekali lagi, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada barisan Ahli Jawatankuasa Eksekutif UTeMASA Sesi 2019/2022 di atas sumbangan yang telah diberikan dan berharap barisan Ahli Jawatankuasa Eksekutif

yang akan dipilih dan dilantik nanti akan dapat menjalankan tugas yang diberikan dengan penuh amanah dan integriti serta dapat merancakkan lagi program-program UTeMASA ini serta menjadi pembela berwibawa kepada golongan staf akademik UTeM.



Sarang burung dicari di gua

Ternampak pula bunga kesidang

Kepada ahli UTeMASA semua

Saya ucapkan Selamat Bersidang

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya merasmikan Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan UTeMASA Bil. 8/2022 ini.

Sekian daripada saya,



Wabillahi taufik Walhidayah, Wassalamulaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA